

PENGAJIAN HADIS ERA REVOLUSI INDUSTRI 4.0: ISU DAN CABARAN

HADITH STUDIES IN THE ERA OF FOURTH INDUSTRIAL REVOLUTION: ISSUES AND CHALLENGES

Muhammad Ammar Shafiq Shahrizal

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: ammarshafiq614@raudah.usim.edu.my

Siti Nur Balqis Shaharudin

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: nurbalqis@raudah.usim.edu.my

Nurul Auni Hafifah Md Arif

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: aunihafifah@raudah.usim.edu.my

Nur Najiyah Muhamad Yusoff

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: najiyahyusoff@raudah.usim.edu.my

Syed Najihuddin Syed Hassan

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: syednajihuddin@usim.edu.my

Abdulloh Salaeh*

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

*Corresponding author. Email: abdulloh@usim.edu.my

ABSTRAK

Revolusi Industri 4.0, yang didorong oleh perkembangan teknologi digital, telah membawa cabaran baharu kepada pelbagai sektor di seluruh dunia, termasuk bidang Pengajian Islam, khususnya dalam pengajian hadis. Sejak penularan pandemik COVID-19, pengajian hadis secara maya semakin giat dilaksanakan oleh para asatizah di seluruh negara berikutan pelaksanaan tempoh kawalan pergerakan di Malaysia. Isu dan cabaran utama yang timbul berkaitan dengan kesinambungan serta kesediaan para pelajar dalam menghadapi perubahan drastik ini. Kajian ini bertujuan mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengajian hadis di era Revolusi Industri 4.0. Ia juga bertujuan membentuk disiplin yang mampu membangunkan modal insan sejagat yang selaras dengan kemajuan teknologi, komunikasi, dan sains, yang kini menjadi elemen penting dalam pengajian hadis. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan temubual kumpulan fokus sebagai instrumen pengumpulan data. Hasil kajian mendapati bahawa kemampuan pelajar untuk menyesuaikan diri dengan kaedah pengajaran automasi merupakan cabaran dominan dalam pengajian hadis, walaupun teknologi ini berpotensi disebarluaskan ke seluruh dunia. Secara keseluruhan, kajian ini menyediakan input berharga kepada kerajaan dan institusi pendidikan dalam mengenal pasti strategi terbaik untuk mengatasi cabaran dalam era Revolusi Industri 4.0..

Kata Kunci: Revolusi industri 4.0, pengajian hadis, era ICT, isu dan cabaran, pengajian Islam.

ABSTRACT

Digital technology advancements have driven the Fourth Industrial Revolution, posing new challenges to various sectors worldwide, including Islamic Studies, particularly in the study of Hadith. Since the outbreak of the COVID-19 pandemic, online Hadith education has become increasingly prominent, as teachers across the country have turned to virtual platforms due to Malaysia's movement control orders. The main issues and challenges that have arisen involve the continuity and preparedness of students in facing these drastic changes. This study aims to identify the issues and challenges

encountered in Hadith studies during the Fourth Industrial Revolution. It also seeks to develop a discipline capable of fostering global human capital in line with technological, communication, and scientific advancements, which are now crucial elements in Hadith studies. The research employs a qualitative methodology, with focus group interviews as the primary data collection tool. Despite the potential for global expansion of this technology, the findings reveal that students' ability to adapt to automated teaching methods remains a dominant challenge in Hadith education. Overall, this study provides valuable insights for the government and educational institutions in identifying the best strategies to overcome challenges in the era of the Fourth Industrial Revolution.

Keywords: The Fourth Industrial Revolution, Hadith studies, ICT era, issues and challenges, Islamic studies.

1. PENDAHULUAN

Pengajian hadis secara tradisional dilaksanakan secara bersemuka antara pelajar dan guru, yang dikenali dengan talaqqi sebagai meneladani cara pengajaran Nabi Muhammad SAW. Proses pengajian hadis secara talaqqi bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyampaian ilmu, malah ia penting dalam membentuk adab serta keutuhan kefahaman. Ibnu Ajibah turut menekankan pentingnya talaqqi dengan berkata:

مَنْ لَا شَيْخَ لَهُ فَالشَّيْطَانُ شَيْخُهُ

Maksudnya:

Barangsiapa yang berguru dengan kitab, maka syaitan lah gurunya (2002).

Pengajian hadis secara talaqqi telah menjadi sistem pendidikan asas dalam menyebarkan ilmu Islam. Di Malaysia, kaedah talaqqi telah lama diamalkan sejak kedatangan Islam ke Alam Melayu sekitar kurun ke-12 Masihi (Abdullah Ishak, 1990), termasuk di pondok-pondok tradisional seperti Pondok Bendang Daya (Abdulloh Salaeh, 2023).

Namun, Revolusi Industri 4.0 kini telah merubah cara pengajian hadis. Penggunaan teknologi digital dalam pengajaran semakin meluas, menjadikan pengajaran lebih efisien, interaktif, dan menarik. Perubahan ini memperkenalkan cabaran besar kepada para pelajar dan asatizah dalam menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran yang berbeza daripada yang tradisional.

Kajian ini bertujuan mengenal pasti isu dan cabaran dalam pengajian hadis pada era Revolusi Industri 4.0. Selain itu, ia bertujuan membangunkan modal insan yang

berintegrasi dengan teknologi, sains, dan komunikasi, yang kini merupakan elemen penting dalam pengajian hadis, sejajar dengan perubahan teknologi yang sangat pantas.

2. KAJIAN LITERATUR

Peranan ICT Terhadap Penyebaran Ilmu dalam Era Revolusi Industri 4.0

Peranan ICT dan teknologi merupakan nadi terhadap penyebaran sesuatu ilmu atau dakwah dalam era revolusi industri 4.0 ini supaya apa yang disampaikan dapat memberi kesan kepada para pelajar. Kajian oleh Abd Hadi Borham (2018) bertajuk “Media Baharu dan Impak Terhadap Dakwah” mengatakan masyarakat hari ini mendapat pendedahan berkaitan islam dengan mudah melalui media sosial seperti facebook, newsgroup, e-group dan sebagainya. Oleh itu, penerimaan media baharu telah membentuk suatu budaya baru dalam berkomunikasi, bermaklumat dan berdakwah.

Asasnya ialah penerimaan teknologi komunikasi sebagai saluran kegunaan harian dan kemudahan berkomunikasi. Perbincangan mengenai agama telah menarik perhatian pengguna dalam media baharu untuk berkongsi kefahaman melalui pelbagai dimensi, termasuk berkaitan agama Islam. Ini telah menunjukkan bahawa kebanjiran maklumat-maklumat Islam di media baharu memberikan kesan terhadap dakwah terutamanya dalam aspek penerimaan kefahaman Islam berkaitan akidah, ibadah dan akhlak.

Gelombang modenisasi pada masa kini memperlihatkan bahawa media merupakan salah satu sumber ilmu yang sangat rapat dengan manusia. Kenyataan ini telah dinyatakan oleh Najidah Zakaria dan Abu Darda Mohamad (2017) di dalam artikelnya “Media Sebagai Wasilah Dakwah”. Menurut mereka media merupakan satu saluran yang membawa kepada perjalanan maklumat daripada satu sumber kepada satu sumber yang lain. Kejayaan Islam masa lalu yang bermula daripada agama berasaskan ilmu dan nilai-nilai luhur hingga mencapai satu tahap ketamandunan dimensi sejarah yang begitu gemilang.

Anugrah Nur Fitrah (2020) dalam artikelnya bertajuk “Media sebagai saranan dakwah dimasa pandemik” menjelaskan bahawa di masa pandemik COVID-19 ini media merupakan salah satu cara untuk melakukan perubahan sosial baik secara individu mahupun secara kelompok. Pemanfaatan internet dan media sosial merupakan salah satu jalan keluar saat ini, berbagai kegiatan yang awalnya harus dilakukan secara fizikal tetapi sekarang ini mengharuskan kita menggunakan media sosial untuk melakukannya.

Menurut Abdul Rahman Ab Hadi (2018) dalam kajiannya “Peranan ICT Terhadap Perkembangan Dakwah di Malaysia” menyatakan ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) begitu cepat berlaku khususnya di negara Malaysia. ICT merupakan cabang ilmu yang perlu dikuasai oleh umat islam seiring dengan perkembangannya. Oleh itu, umat islam tidak boleh terlalu leka dengan mengabaikan perkembangan dalam bidang teknologi sebaliknya perlu menguasai ilmu ini.

Isu dan Cabaran Pengajian hadis

Pengajian Islam, khususnya pengajian hadis, kini berdepan dengan perubahan besar akibat perkembangan pesat teknologi digital di era Revolusi Industri 4.0. Revolusi

ini membawa cabaran yang ketara dalam sektor pengajian Islam, di mana sistem tradisional pengajian hadis turut terjejas dan memerlukan penyesuaian untuk terus relevan.

Pengajaran Berorientasikan Automasi dan Teknologi Penggunaan teknologi dan automasi dalam pengajaran hadis memperkenalkan jurang baru dalam penyampaian ilmu. Pengajian hadis yang dahulunya dilakukan secara tradisional melalui talaqqi (secara bersemuka antara guru dan pelajar) kini beralih kepada kaedah digital. Menurut Sahlawati (2020) dalam artikelnya Prospek Inovasi Pengajian Islam Era Revolusi Industri 4.0, integrasi teknologi maklumat dalam bahan pengajaran memerlukan guru dan pelajar untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi yang berubah secara berterusan. Ini bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih menarik tetapi juga membantu memupuk minat pelajar untuk mendalami ilmu hadis. Namun, cabaran timbul apabila kemahiran pelajar dan guru dalam menggunakan teknologi tidak setara, yang boleh menjejaskan objektif pembelajaran.

Transformasi Sistem Pengajian Hadis Solahuddin dalam kajiannya Transformasi Sistem Pendidikan Pondok Dalam Memartabatkan Pengajian Kitab Kuning Di Malaysia menegaskan bahawa sistem pengajian hadis perlu melalui transformasi agar relevan dengan teknologi moden. Beliau menyatakan bahawa kaedah penyampaian harus diubah untuk menangani ledakan teknologi dan memastikan bahawa pengajian hadis tetap relevan. Transformasi ini, walaupun berhadapan cabaran, memberikan peluang untuk memperkenalkan pengajian hadis kepada masyarakat dengan lebih meluas dan efisien. Pembaharuan dalam sistem pengajian hadis ini tidak dilihat sebagai satu perkara yang merosakkan, sebaliknya ia memberi kelebihan kepada sistem pendidikan Islam secara keseluruhan.

Cabaran Pendidikan Digital Namun, terdapat beberapa cabaran besar yang perlu ditangani dalam pengajian hadis di era digital ini. Menurut Fatin dan Farah (2021) dalam kajian mereka Pendidikan Digital Era RI 4.0 Dalam Pendidikan Islam, latar belakang pendidikan murid memainkan peranan penting dalam kejayaan pengajian digital. Salah satu cabaran utama adalah tahap kefahaman murid yang berbeza-beza, terutama dalam bidang seperti pengajian hadis yang memerlukan penguasaan bahasa Arab dan Jawi. Pengajaran secara digital menyebabkan beberapa murid sukar beradaptasi, terutamanya mereka yang kurang kemahiran dalam penggunaan teknologi. Hal ini boleh mengakibatkan keciciran dalam pembelajaran dan salah faham terhadap kandungan hadis yang diajar.

Dapat disimpulkan bahawa pengajian hadis di era Revolusi Industri 4.0 menawarkan pelbagai peluang dan cabaran. Walaupun integrasi teknologi mampu meningkatkan keberkesanan pengajaran, ia juga memerlukan guru dan pelajar untuk mengadaptasi perubahan ini dengan cepat. Oleh itu, sistem pengajian hadis perlu terus berkembang dan memperbaiki kaedah pengajaran agar ia tidak hanya relevan dengan zaman, tetapi juga mampu memastikan kefahaman dan kualiti ilmu yang disampaikan kekal terpelihara.

3. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merujuk kepada pendekatan yang digunakan untuk mengumpulkan dan menganalisis data, dengan tujuan untuk menghasilkan bukti yang

dapat menyokong kajian ini. Metodologi ini membantu pengkaji memahami secara lebih terperinci tentang kaedah yang diaplikasikan, serta memberikan huraian yang jelas tentang proses kajian yang dilaksanakan. Pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan pendekatan kualitatif sebagai kaedah utama.

Dalam kajian pengajian hadis di era Revolusi Industri 4.0, pengkaji menggunakan beberapa langkah berikut untuk mengumpulkan data:

- 1) Kajian Perpustakaan: Pengkaji memulakan proses kajian dengan menganalisis dokumen-dokumen yang berkaitan dengan isu dan cabaran dalam pengajian hadis, terutama yang melibatkan teknologi dan perubahan kaedah pengajaran dalam konteks era Revolusi Industri 4.0. Ini termasuk artikel, buku, dan jurnal akademik yang relevan.
- 2) Pemerhatian: Pengkaji juga menjalankan pemerhatian terhadap kelas-kelas pengajian hadis yang dilaksanakan secara dalam talian, terutamanya sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac 2020. Pemerhatian ini membantu pengkaji untuk melihat secara langsung bagaimana proses pengajian hadis dijalankan dalam suasana maya dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pelajar dan guru.
- 3) Temubual: Pengkaji menjalankan temubual secara mendalam dengan lima orang pelajar yang telah mengikuti pengajian hadis secara dalam talian. Temubual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam mengenai pengalaman mereka, serta mengenal pasti cabaran dan isu yang mereka hadapi sepanjang proses pembelajaran.

Kaedah kualitatif ini dipilih kerana ia memberikan pengkaji pandangan yang lebih mendalam mengenai kesan Revolusi Industri 4.0 terhadap pengajian hadis. Data yang diperolehi melalui temubual dan pemerhatian ini dianalisis untuk mengenal pasti pola-pola cabaran serta strategi yang boleh digunakan untuk menambah baik pengajian hadis di era digital ini.

4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Definisi Pengajian Hadis

Secara bahasa, pengajian berasal daripada kata dasar "kaji," yang bermaksud pelajaran atau pengajaran, terutamanya dalam hal keagamaan. Menurut Sudjoko Prasodjo (2003), pengajian didefinisikan sebagai kegiatan pendidikan yang diberikan kepada umum, seperti pengajaran yang dilakukan oleh seorang ustaz kepada pelajar. Manakala istilah hadis merujuk kepada segala yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW, termasuk ucapan, perbuatan, dan persetujuannya, yang menjadi sumber rujukan kedua dalam Islam selepas al-Quran

Pengajian hadis merupakan salah satu cabang ilmu yang sering diajar melalui kaedah talaqqi, iaitu proses pembelajaran secara bersemuka antara guru dan pelajar. Talaqqi adalah kaedah tradisional di mana guru akan membaca hadis daripada sumber asal, menjelaskan maknanya, dan memberikan penjelasan secara mendalam kepada pelajar. Proses ini memerlukan masa yang panjang, kerana hadis-hadis perlu dibaca dan diterangkan secara terperinci daripada permulaan hingga ke akhir.

Tradisi pengajian hadis ini berkembang seiring dengan peningkatan ilmu pengetahuan Islam yang bersumberkan wahyu. Institusi seperti pondok dan masjid berperanan sebagai pusat utama bagi penyebaran ilmu hadis, di mana ia telah memainkan peranan penting dalam memastikan kesinambungan tradisi keilmuan Islam. Pengajian hadis juga dilihat sebagai salah satu bentuk dakwah yang berkesan untuk mengajak umat manusia kepada kebenaran dan petunjuk Allah SWT.

Kepentingan Pengajian hadis

Pengajian hadis memainkan peranan penting dalam membentuk akhlak yang baik bagi generasi muda Muslim. Ia berlandaskan akidah Islam serta keyakinan terhadap Allah SWT, di samping mendidik pelajar agar bergaul dengan teman yang berakhlak mulia. Salah satu cara untuk memperdalam ilmu agama adalah dengan mempelajari hadis-hadis yang berkaitan dengan hukum Islam. Hal ini membantu meningkatkan kefahaman pelajar dan memperluaskan pengetahuan mereka. Melalui pengajian hadis, akhlak yang baik dapat terbentuk, selaras dengan ajaran Rasulullah SAW.

Firman Allah dalam Surah An-Nahl, ayat 125, menyeru kepada penyampaian dakwah dan ilmu dengan hikmah (bijaksana):

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدِّ لَهُمْ بِأَتْيِ هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ
هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya:

Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk

Pendidikan hadis, selain memberikan ilmu, juga membentuk individu yang beradab dan bermoral, yang akhirnya menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang berakhlak mulia. Pendidikan Islam, khususnya melalui pengajian hadis, bukan

sahaja membina sahsiah pelajar tetapi juga berfungsi sebagai alat untuk mentamadunkan masyarakat. Pendidikan Islam bertujuan bukan hanya untuk duniawi, tetapi juga untuk kesejahteraan akhirat, kerana manusia dituntut untuk menjadi hamba Allah yang baik dan khalifah di muka bumi.

Berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari (no. 3559) di dalam sahihnya:

عَنْ مَسْرُوقٍ قَالَ كُنَّا جُلُوسًا مَعَ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو يُحَدِّثُنَا إِذْ قَالَ لَمْ يَكُنْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاحِشًا وَلَا مُتَفَحِّشًا وَإِنَّهُ كَانَ يَقُولُ إِنَّ خِيَارَكُمْ أَحَاسِنُكُمْ أَخْلَاقًا

Maksudnya: Daripada Masruq dia berkata; “Kami pernah duduk-duduk sambil berbincang-bincang bersama Abdullah bin ‘Amru, tiba-tiba dia berkata; “Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam tidak pernah berbuat keji dan tidak pula menyuruh berbuat keji, bahwa beliau bersabda: “Sesungguhnya sebaik-baik kalian adalah yang paling mulia akhlaknya.” [HR Bukhari, no. 3559]

Pengajian hadis bukan sahaja berfungsi untuk menanam nilai-nilai agama dalam diri pelajar tetapi juga membangunkan kemahiran berfikir selaras dengan nilai-nilai Islam. Ia merupakan satu proses yang panjang, yang melibatkan pembinaan rohani dan intelektual, serta membantu membentuk sahsiah pelajar yang matang dan berguna kepada masyarakat. Firman Allah dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ
كَثِيرًا

Maksudnya:

“Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah”.

Akhlak yang baik dalam Islam menekankan keseimbangan antara tuntutan dunia dan akhirat, serta antara jasmani dan rohani. Pendidikan hadis memainkan peranan utama dalam mendidik generasi yang seimbang dalam semua aspek ini. Pengajian hadis turut menjadi landasan **kepada reformasi dalam membangunkan** manusia yang berintelekt, berakhlak mulia, dan berupaya berkhidmat kepada masyarakat.

Isu Pengajian hadis

Salah satu isu utama yang dihadapi dalam pengajian hadis yang dijalankan secara dalam talian adalah berkurangnya kualiti ilmu. Sebelumnya, pengajian hadis dilakukan secara bertalaqi, di mana pelajar berhadapan dan bersemuka dengan guru dalam majlis ilmu. Namun, kini sesi pengajian ini sering kali dilaksanakan secara dalam talian. Dalam keadaan ini, guru tidak dapat mengenal pasti sama ada pelajar memahami isi pengajian dengan baik disebabkan oleh beberapa kekangan, seperti pelajar yang tidak membuka kamera. Hal ini mengakibatkan guru tidak dapat melihat reaksi pelajar serta menilai sama ada mereka memberi perhatian yang secukupnya.

Isu lain yang ketara adalah berkaitan dengan adab seorang penuntut ilmu. Pengajian hadis secara dalam talian mungkin memberi kemudahan kepada segelintir pelajar untuk tidak perlu bersiap rapi atau belajar dalam keadaan yang sesuai, seperti yang biasa dilakukan dalam majlis ilmu. Ketidaksiaran ini boleh mengakibatkan pelajar mengabaikan adab, baik terhadap ilmu mahupun terhadap para murabbi. Menurut Hasnizam Hashim (2019), adab yang perlu diterapkan dalam kalangan pelajar semasa pengajian dalam talian termasuklah mempunyai niat yang betul, memulakan pembelajaran dengan doa, membuat persediaan awal, menumpukan perhatian, menepati masa, berkomunikasi dengan baik, dan menjaga penampilan diri. Adab-adab yang dinyatakan oleh Hasnizam ini menunjukkan bahawa meskipun pengajian dilakukan dalam talian, pelajar tetap harus menjaga adab seolah-olah mereka sedang belajar secara fizikal.

Di samping itu, isu kesahihan ilmu juga timbul dalam pengajian hadis secara dalam talian. Walaupun isu ini telah lama wujud dalam pengajian secara fizikal, ia menjadi lebih meluas dengan adanya akses internet yang pantas. Banyak video pengajian yang beredar di platform seperti YouTube, namun kesahihannya sering diragui, di mana mungkin ia dikongsikan oleh individu yang tidak mempunyai kelayakan yang mencukupi. Dalam konteks ini, penting bagi kita merujuk kepada firman Allah SWT dalam Surah Yunus yang menyatakan:

﴿وَمَا يَتَّبِعْ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنًّا إِنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِمَا يَفْعَلُونَ﴾ (36)

“Dan kebanyakan mereka tidak menurut melainkan apa yang bersifat sangkaan sahaja, sedangkan sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu daripada kebenaran.” (36)

Situasi ini perlu ditangani dengan serius kerana kelajuan penyebaran maklumat dalam talian boleh menyebabkan masyarakat menerima informasi tanpa saringan yang betul. Oleh itu, penting bagi semua pihak untuk meningkatkan kesedaran dan

memperkokuh pemahaman yang sebenar terhadap pengajian hadis agar tidak terpengaruh dengan maklumat yang tidak sahih

Cabaran Pengajian Hadis

Kajian mendapati bahawa terdapat empat cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar dalam pengajian hadis sepanjang era Revolusi Industri 4.0. Pertama, ketiadaan peranti khusus untuk pembelajaran merupakan masalah utama. Seperti yang diketahui, pandemik Covid-19 menyebabkan penutupan pusat-pusat pendidikan, dan pembelajaran atas talian menjadi keperluan mendesak. Namun, tidak semua pelajar mempunyai akses kepada peranti yang sesuai. Kekurangan peranti ini menyebabkan pelajar ketinggalan dalam pelajaran, terutama dalam pengajian hadis, dan pelajar dari keluarga berpendapatan rendah terpaksa berkongsi peranti dengan adik-beradik lain (Abdullah & Karim, 2022).

Cabaran kedua ialah suasana yang kurang kondusif di rumah. Pelajar yang tinggal di rumah sempit atau perlu berkongsi ruang belajar dengan ahli keluarga lain menghadapi kesukaran untuk menumpukan perhatian. Gangguan seperti bunyi bising atau kurangnya ruang peribadi untuk belajar menjadi cabaran besar. Malah, ibu bapa yang tidak memahami keperluan pembelajaran atas talian kadangkala memberi tugasan rumah kepada anak-anak semasa sesi kelas berlangsung, yang menambah tekanan kepada pelajar (Yusoff et al., 2021).

Cabaran ketiga melibatkan capaian internet yang terhad, terutama di kawasan pedalaman. Ramai pelajar menghadapi kesukaran untuk mendapatkan talian internet yang stabil. Sebagai contoh, Veveonah Mosibin, seorang pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), terpaksa memanjat pokok di kampungnya untuk mendapatkan talian internet bagi menduduki peperiksaan atas talian (Bernama, 2020). Situasi seperti ini membuktikan bahawa pelajar di kawasan luar bandar menghadapi halangan besar dalam menyertai pengajian secara dalam talian.

Cabaran terakhir berkaitan dengan tahap kemahiran asatizah dalam menggunakan teknologi. Tidak semua asatizah mahir dalam bidang teknologi digital, terutama golongan yang lebih berusia. Kekurangan kemahiran ini menyebabkan sesi pembelajaran terganggu dan proses pemahaman pelajar terjejas. Oleh itu, para asatizah perlu meningkatkan kecekapan teknologi untuk memastikan penyampaian ilmu berjalan dengan lancar (Rahman & Zulkifli, 2023).

Tuntasnya, pelajar dan asatizah menghadapi pelbagai cabaran dalam pengajian hadis pada era Revolusi Industri 4.0. Pihak kementerian perlu memberi perhatian yang lebih terhadap isu-isu ini bagi memastikan pembelajaran secara dalam talian dapat dijalankan dengan lebih efektif dan inklusif.

Berdasarkan kajian di atas, dapat disimpulkan bahawa para pelajar dan asatizah menghadapi pelbagai cabaran dalam pengajian hadis pada era Revolusi Industri 4.0. Oleh itu, pihak kementerian perlu memberi perhatian yang lebih serius terhadap isu-isu ini bagi memastikan proses pembelajaran secara dalam talian dapat dilaksanakan dengan lebih efisien, menyeluruh, dan inklusif.

KESIMPULAN

Era digital yang kini kita hadapi adalah zaman kemajuan teknologi yang tidak dapat dinafikan, dan ia memberi kesan mendalam kepada perkembangan masyarakat secara keseluruhan. Kemudahan teknologi yang ada kini menjadi alternatif penting dalam mengembangkan pendidikan, termasuk dalam bidang Pengajian Islam, terutamanya pengajian hadis. Dalam konteks Revolusi Industri 4.0, masyarakat Islam haruslah peka dan bersedia menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang timbul.

Para agamawan, ulama, dan asatizah perlu mempersiapkan diri untuk mengatasi cabaran-cabaran ini, memastikan bahawa modal insan yang dibentuk melalui pendidikan tetap berakhlak mulia dan tidak terpengaruh oleh kemajuan teknologi yang kadang kala membawa kepada kesan negatif. Institusi pengajian tinggi Islam juga berperanan penting dalam menjalankan kajian yang berfokus serta kajian tindakan untuk mengenal pasti dan menangani isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan pengajian hadis di era digital ini, serta memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran yang ada.

Walau bagaimanapun, kaedah tradisional seperti talaqqi secara bersemuka masih sangat relevan. Interaksi secara fizikal dengan guru-guru adalah penting untuk mendapatkan keberkatan dan pengetahuan yang lebih mendalam. Oleh itu, penggunaan teknologi seharusnya dianggap sebagai satu kemudahan tambahan yang memperkaya pengalaman pembelajaran, bukan sebagai pengganti kepada kaedah pengajian sedia ada. Dalam usaha memperkasa pengajian hadis, keseimbangan antara teknologi dan tradisi perlu dijaga untuk memastikan kesinambungan nilai-nilai agama dan pengajaran yang berkualiti.

RUJUKAN/ REFERENCES

- [1] Al-Quran al-Karim.
- [2] Abd Hadi Borham. (2018). Media Baharu dan Impak Terhadap Dakwah. Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim Perak.
- [3] Abdul Aziz Fathi as sayyid Nada, (2007), Mausuah Adab Islamiah, Cetakan ketiga.

- [4] Abdul Rahman Ab Hadi. (2018). Peranan ICT Terhadap Perkembangan Dakwah Di Malaysia. Sarjana Muda Usuluddin.
- [5] Abdullah Ishak. 1990. Islam di Nusantara. Petaling Jaya: al-Rahmaniah.
- [6] Abdullah, S., & Karim, N. (2022). E-learning challenges in Islamic education during the COVID-19 pandemic: A case study in Malaysia. *Journal of Islamic Studies*, 45(2), 15-30.
- [7] Abdulloh Salaeh, Syed Najihuddin Syed Hassan, Amran Abdul Halim dll , 2023. Tuan Guru Ismail Bin Omar Dan Kearifan Tafsir Dalam Menghuraikan Ayat Suci Bagi Karya Muhammad Said Bin Umar (Tafsir Nurul Al Ihsan), *Contemporary Issues on Education and Islamic Education*. Faculty of Education Yala Rajabhat University.
- [8] Ahmad bin Muhammad bin al-Mahdi bin al-Husain bin Muhammad bin 'Ajibah al-Hujuji, 2002. *al-Bahru al-Madid fi Tafsir al-Quran al-Majid*, Dar Al Kotob Al-Ilmiyah, Beirut.
- [9] Alfi, I. (2020). Strategi Pesantren dalam Pemberdayaan Masyarakat pada Era Generasi 4.0. Fakultas Dakwah Institut Agama Islam Negeri Purwokerto: *Journal of Islam and Muslim Society*.
- [10] Anugrah Nur Fitrah. (2020). Media Sebagai Sarana Dakwah Dimasa Pandemi. Institut Agama Islam Negeri (IAIN).
- [11] Aziz, M., & Rahman, R. A. (2023). Digital Transformation in Islamic Studies: Opportunities and Risks. *Journal of Digital Islamic Education*, 8(3), 110-123.
- [12] Bernama. (2020, June 18). Veveonah Mosibin climbs tree for internet to take exams. Bernama. Retrieved from <https://www.bernama.com>.
- [13] Cabaran Pembelajaran Secara Atas Talian Di Malaysia. (2021). Retrieved 19 December 2021, from <https://laburglobal.com/2021/05/27/cabaran-pembelajaran-secara-atas-talian-di-malaysia/>.
- [14] Fatin Izzati Mohd Taher. dan Farah Hanan Abu Bakar. (2021). Pendidikan Digital Era RI 4.0 Dalam Pendidikan Islam. *International Conference On Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)-Online Conference*. (Eds.)
- [15] Hasnizam Hashim, (2019). Adab menuntut ilmu walau belajar dalam talian, *Tinta Minda*, Universiti Sains Islam Malaysia.

- [16] Hasnizam Hashim. (2019). Adab Tuntut Ilmu dalam Pengajian Dalam Talian. *Jurnal Pendidikan Islam*, 5(2), 15-20.
- [17] M. Bahri Ghazali, *Pesantren Berwawasan Lingkungan*, (Jakarta: CV Prasasti, 2003).
- [18] Mohd Hafiz Bin Kamarudin (2017). *Pembangunan Sahsiah Pelajar Dan Peranannya Dalam Pencegahan Masalah Gejala Sosial: Satu Kajian Di Kolej UTM*. Universiti Teknologi Malaysia.
- [19] Muhammad, A., & Norizan, N. (2023). The Impact of Online Learning on Islamic Education: Issues and Challenges. *International Journal of Islamic Education*, 12(1), 25-38.
- [20] Najidah Zakaria. dan Abu Darda Mohamad. (2017). *Media Sebagai Wasilah Dakwah*. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 92.
- [21] Panjat pokok cari Internet nak jawab periksa | *Harian Metro*. (2020). Retrieved 19 December 2021, from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/06/590517/panjat-pokok-cari-internet-nak-jawab-periksa>.
- [22] Rahman, H., & Zulkifli, M. (2023). The digital transformation of religious education in Malaysia: Overcoming the technology gap among asatizah. *International Journal of Educational Technology*, 14(1), 67-79.
- [23] Sahlwati Abu Bakar. (2020). *Isu-isu Kontemporari Dalam Pengajian Islam: Prospek Inovasi Pengajian Islam Era Revolusi Industri 4.0*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). 27.
- [24] Solhuddin Ismail. *Transformasi Sistem Pendidikan Pondok Dalam Memartabatkan Pengajian Kitab Kuning Di Malaysia*.7.
- [25] Taupiq Mahuda (2010). *Peranan Pendidikan Islam Dalam Struktur Masyarakat*. Fakultas Tarbiyah (PAI) Institut Agama Islam Tribaktri (IAIT) Kendiri.4.
- [26] Yusoff, R., Ismail, N., & Ahmad, R. (2021). Impact of home learning environments on student engagement during the pandemic: A focus on kitab studies. *Journal of Online Learning*, 18(3), 98-113.